



RUJ. KAMI :  
TARIKH :

UMK.B03/100-6/4 ( 55 )  
10 JUN 2009

**EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

Y.Bhg.Dato'/ Prof./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

**MEWUJUDKAN SKIM KHAIRAT KEMATIAN**

Dengan segala hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas .

2. Bersama ini diedarkan Pekeliling Bendahari Bil.2/2009 berkenaan dengan perkara di atas untuk perhatian pihak Y.Bhg.Dato'/ Prof./ Prof. Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

Sekian, terima kasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menurut perintah ,

**MOHD YUSRI BIN AWANG**  
Timbalan Bendahari

s.k .

Y.Bhg Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)

Y.Bhg Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

**Senarai Edaran :-**

Pemangku Pendaftar

Dekan  
Fakulti Ago Industri dan Sumber Asli

Dekan  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan

Dekan  
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

Pemangku Pengarah  
Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah

Pengarah  
Institut Perusahaan Kecil dan Sederhana

Pengarah  
Pusat Hubungan Korporat & Strategik

Ketua Pustakawan


Ketua  
Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Ketua  
Unit Islam & Pembangunan Nilai

Pengurus  
Jabatan Sukan, kebudayaan dan Ko-Kurikulum

Timbalan Pendaftar  
Bahagian Pengurusan Akademik

Pegawai Khas Naib Canselor



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

UMK.B03.00/100-6/4 (SS)

8 JUN 2009

## PEKELILING BENDAHARI BIL 2 /2009

### MEWUJUDKAN SKIM KHAIRAT KEMATIAN

Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Bil 46 yang bermesyuarat pada 18 Mei 2009 telah meluluskan Cadangan Mewujudkan Skim Khairat Kematian untuk staf Universiti Malaysia Kelantan .

2. Pekeliling ini bertujuan untuk mewujudkan Skim Khairat Kematian bagi staf Universiti Malaysia Kelantan dimana semua staf akan menyumbang melalui potongan gaji sejumlah RM 10.00 setiap seorang jika terdapat kematian staf yang sedang berkhidmat di Universiti Malaysia Kelantan .
3. Potongan gaji hanya akan dibuat apabila berlaku kematian seorang staf Universiti Malaysia Kelantan yang menjadi Ahli Skim Khairat Kematian ini. Hasil potongan gaji ini akan diserahkan kepada Penerima Skim Khairat Kematian yang akan dinamakan oleh staf Universiti Malaysia Kelantan didalam Borang Persetujuan Potongan Gaji .
4. Pada masa ini pihak Kerajaan hanya akan menyumbang sejumlah RM 1,000.00 sahaja bagi setiap kematian staf yang berkhidmat bagi pengurusan jenazah.Tiada

bantuan segera yang lain bagi keluarga staf yang meninggal terutama jika staf tersebut meninggalkan balu dan anak yang masih kecil.

5. Bantuan ini juga diharap akan dapat meringankan bebanan kewangan keluarga SEMENTARA mendapat bantuan lain seperti pencen, SOCSO dan insuran jika ada .

6. Dengan wujudnya skim ini pihak Pengurusan dapat membuat potongan gaji untuk seluruh staf Universiti Malaysia Kelantan yang bersetuju menyumbang dan bantuan kewangan ini dapat dilaksanakan dengan kadar SEGERA kepada keluarga staf yang meninggal dunia.

7. Bagi memastikan pihak Pengurusan mendapat persetujuan staf untuk dibuat potongan gaji, setiap STAF diminta memberi persetujuan dengan mengisi Borang Persetujuan Potongan Gaji untuk Skim Khairat Kematian seperti di Lampiran A .

8. Pihak PTJ diminta untuk mendapatkan persetujuan staf mengenai potongan gaji dan mengembalikan Borang tersebut ke Jabatan Bendahari secepat mungkin untuk membolehkan Skim ini berkuatkuasa mulai 1 Jun 2009 .

Sekian , terimakasih.

**“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA “**

Yang benar



**PROF. DATO' IR. DR. ZAINAL BIN MOHAMED**

Naib Canselor

LAMPIRAN A

**BORANG PERSETUJUAN POTONGAN GAJI SKIM KHAIRAT KEMATIAN**

NAMA :  
JAWATAN :  
PUSAT TANGGUNGJAWAB:  
NO. PEKERJA :

Saya dengan ini bersetuju untuk membenarkan pihak Universiti Malaysia Kelantan membuat potongan gaji sejumlah RM10.00 bagi Skim Khairat Kematian.

Potongan gaji hanya akan dibuat apabila berlaku kematian staf Universiti Malaysia Kelantan.

Yang Benar

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Staf

.....  
NAMA DAN ALAMAT  
PENERIMA SKIM  
KHAIRAT KEMATIAN

NAMA :  
NO. KAD PENGENALAN:  
ALAMAT:

NO. TELEFON: